

BULETIN

JABATAN PERUBATAN PEMULIHAN

EDISI 2



Anak
CEREBRAL PALSY
Inspirasi Produk
CUTIE PIE

Warna-warni
JPP 2017

Cerebral Palsy &
PEMULIHAN:
Apa yang anda tahu ?



Sekapur Sireh

Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana akhirnya Buletin Jabatan Perubatan Pemulihan bagi edisi yang kedua ini telah berjaya diterbitkan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi ucapan tahniah kepada sidang redaksi Buletin Jabatan Perubatan Pemulihan serta penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan sehingga terhasilnya buletin ini untuk dikongsi bersama-sama warga Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan orang awam.



Topik yang dipilih bagi edisi kali ini adalah *Cerebral Palsy*, iaitu satu kondisi yang berlaku akibat kerosakan otak yang terjadi semasa di dalam kandungan, semasa lahir atau selepas kelahiran. Hal ini menyebabkan kanak-kanak *Cerebral Palsy* mengalami kesukaran untuk mengawal postur, pergerakan & mengimbangkan diri akibat daripada kesukaran mengawal pergerakan otot yang terjejas. Kebiasaannya, mereka mempunyai peluang yang terhad untuk bermain, meneroka persekitaran dan kebolehan penjagaan diri juga terjejas. Oleh itu, rawatan terapi seperti Fisioterapi, Pemulihan Cakera dan Terapi Pertuturan sangat membantu untuk perkembangan positif kanak-kanak ini. Selain daripada itu, kanak-kanak *Cerebral Palsy* juga memerlukan alat bantuan kerusi roda yang bersesuaian atau / alat bantuan prostetik dan ortotik bagi mengurangkan risiko ketidakupayaan pada anggota badan.

Sehubungan dengan itu, isu yang diketengahkan oleh barisan sidang pengarang Buletin Jabatan Perubatan Pemulihan edisi kedua pada kali ini amat bermanfaat kepada para pembaca dalam mengenali keperluan kanak-kanak ini. Saya mengalu-alukan usaha berterusan Jabatan Perubatan Pemulihan untuk memberikan informasi kepada orang awam mengenai rawatan pemulihan untuk kanak-kanak *Cerebral Palsy*. Akhir kata, teruskan bersama Buletin Jabatan Perubatan Pemulihan untuk kupasan-kupasan topik yang lebih menarik dan berinformasi.

Sekian, terima kasih.

Prof. Dr. Lydia Binti Abdul Latif

Ketua

Jabatan Perubatan Pemulihan

Pusat Perubatan Universiti Malaya.



Seulas Pinang

Assalamualaikum W.B.T. salam sejahtera.

Saya mengucapkan syukur kehadiran Illahi kerana Buletin Jabatan Perubatan Pemulihan dapat bersiaran lagi dengan edisi yang berikutnya. Walaupun dalam jangka masa yang agak singkat, berkat usaha sama sidang pengarang dan semua pihak yang terlibat akhirnya berjaya menghasilkan Buletin Jabatan Perubatan Pemulihan edisi kedua.

Tema yang dibawa kali ini mengenai kondisi *Cerebral Palsy*, dilihat boleh menjadi satu platform bagi Jabatan Perubatan Pemulihan untuk menyalurkan informasi kepada para pembaca dalam aspek penjagaan dan proses rehabilitasi terhadap pesakit *Cerebral Palsy* khususnya dikalangan kanak-kanak. Kesedaran dan penglibatan semua pihak yang terlibat, memainkan peranan penting semasa proses rehabilitasi pesakit *Cerebral Palsy*. Penglibatan dan sokongan penjaga pesakit juga dapat memberi impak kejayaan dalam proses pemulihan yang dijalani oleh pesakit. Semoga tema yang dipilih pada kali ini berserta kandungan-kandungan menarik yang dimuatkan, dapat memberi manfaat yang maksimum kepada para pembaca.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga serta penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa sidang pengarang Buletin Jabatan Perubatan Pemulihan, Ketua Jabatan, Ketua-ketua Bahagian, penyumbang-penyumbang artikel serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbangkan idea dan tenaga bagi penghasilan Buletin Jabatan Perubatan Pemulihan ini.


Sekian, terima kasih.

Ida Mardiana Binti Mohamad Yusop

Ketua Editor

Buletin Jabatan Perubatan Pemulihan

Pusat Perubatan Universiti Malaya.



DAFTAR ISI

- 2** SEKAPUR SIREH
- 3** SEULAS PINANG
- 5** *CEREBRAL PALSY & PEMULIHAN :
APA YANG ANDA TAHU?*
- 14** MOTIVASI DI SEBALIK ANAK *CEREBRAL
PALSY*
- 16** WARNA-WARNI JPP 2017
- 22** KURSUS AKAN DATANG
- 23** KARYA KREATIF STAF & PESAKIT



Editorial bersama Penasihat Sidang Pengarang.

Jabatan Perubatan Pemulihan
Aras 12, Menara Selatan,
Pusat Perubatan Universiti Malaya,
Lembah Pantai , 59100 Kuala Lumpur.

Sidang Pengarang

PENAUNG

Prof. Dr. Lydia Abdul Latiff
Ketua,
Jabatan Perubatan Pemulihan,
Pusat Perubatan Universiti Malaya.

PENASIHAT

Soh Say Beng
Pengurus Klinikal,
Jabatan Perubatan Pemulihan,
Pusat Perubatan Universiti Malaya.

EDITORIAL

Ida Mardiana Mohamad Yusop
Siti Anis Ab Rahim
Nur Faizah Mohd Norizam
Shafiah Rosli
Engku Nurul Hasanah Engku Kamal Bakri
Nur Atiqah Abu Hasan
Norshilawati Mohd Nor

PENYUMBANG ARTIKEL

Dr. Aishah Ahmad Fauzi
Norazah Haron
Siti Hawa Ahmad
Shafiah Rosli
Ruzina Baharuddin
Shahidaton Akmal Mahmud
Mohd Izzuddin Md Asari
Norzila Razak
Mohd Aznoor Hussin
Sazlin Ahmad Taufek

**Serta semua pihak yang telah
menyumbang secara langsung dan
tidak langsung bagi menjayakan
Buletin JPP ini.**



Cerebral Palsy (CP) adalah satu keadaan yang berkaitan dengan masalah ketidakupayaan untuk mengawal postur, pergerakan dan kekuatan otot yang diakibatkan oleh kecederaan pada otak yang masih belum matang.

CEREBRAL PALSY & PEMULIHAN

Apa yang anda tahu?

Kecederaan yang berlaku pada otak pesakit *Cerebral Palsy (CP)* boleh terjadi semasa masih berada di dalam kandungan, semasa proses kelahiran dan juga selepas lahir (dalam usia bayi sehingga 3 tahun) di mana ianya menjejaskan perkembangan otak. Perkembangan otak boleh juga terjejas akibat ketidaknormalan pertumbuhan otak semasa bayi di dalam kandungan.

CP bukan sahaja melibatkan masalah fizikal, ianya juga berkait rapat dengan masalah deria rasa, pendengaran, penglihatan dan juga masalah perubatan yang lain seperti sawan, kognitif, kelakuan, kekejangan otot (*spasticity*) dan juga masalah berkaitan otot serta tulang (Muskuloskeletal).

◆ Klasifikasi Cerebral Palsy

CP boleh dikenali dengan mudah melalui klasifikasi yang menggambarkan tahap ketidakupayaan bahagian badan :


1. Monoplegia
2. Hemiplegia
3. Diplegia
4. Quadriplegia

Ianya juga boleh diklasifikasikan mengikut tahap kemampuan fizikal untuk melakukan pergerakan badan, melalui klasifikasi *Gross Motor Function and Classification Scale (GMFCS I- V)*.


◆ Masalah Kefungsian dan Ketidakupayaan

Antara masalah kefungsi yang paling awal dan umum diutarakan oleh ibu bapa adalah kebolehan untuk anaknya bergerak dan berjalan dengan sendiri.

Secara amnya, kanak-kanak CP mempunyai perkembangan motor kasar dan motor halus, komunikasi dan sosial yang agak lambat berbanding dengan kanak-kanak normal. Ini bergantung kepada tahap kecederaan dan perkembangan otak yang dialami oleh kanak-kanak CP. Oleh yang demikian, masalah kefungsi kanak-kanak CP bukan sahaja terhad pada masalah fizikal dan pergerakan, ianya juga boleh menyebabkan masalah kefungsi untuk berdikari dalam melakukan aktiviti harian, komunikasi dengan ahli keluarga dan rakan-rakan serta penglibatan aktiviti di dalam masyarakat.



Klasifikasi tahap ketidakupayaan bahagian badan.



Klasifikasi *Gross Motor Function and Classification Scale (GMFCS)*.

◆ **Penilaian dan Rawatan Perubatan Pemulihan**

Keprihatinan dan kesedaran masyarakat terhadap masalah CP adalah penting supaya kanak-kanak CP ini boleh dibawa untuk mendapatkan penilaian dan rawatan perubatan pemulihan seawal mungkin. Ini adalah penting untuk membantu meningkatkan tahap kefungsiannya dalam pergerakan dan juga aktiviti harian yang bersesuaian dengan peringkat umur dan keupayaan mereka, serta mengelakkan daripada komplikasi lain terutamanya masalah Muskulokeletal seperti *Hip Dislocation*, *Scoliosis*, dan juga *contracture* pada sendi kaki & tangan.



Hip Dislocation.



Scoliosis.



Masalah Muskulokeletal lain.

Secara amnya, rawatan perubatan pemulihan bukan sahaja memfokuskan kepada kanak-kanak CP, tetapi menitikberatkan pendidikan serta sokongan kepada ibu bapa secara langsung dan tidak langsung. Antara rawatan pemulihan khusus untuk CP adalah seperti rawatan perubatan menggunakan ubat dan juga suntikan *Botulinum Toxin* untuk masalah kekejangan otot yang sangat ketara yang menyebabkan masalah pergerakan dan postur dikalangan kanak-kanak CP.

Di Unit Pemulihan Pediatrik, terdapat struktur senaman khas yang diajar kepada ibu bapa untuk kanak-kanak CP yang sesuai. Ianya adalah protokol senaman *Structured Home-based Exercise Program (SHEP)* yang berjadual supaya ianya boleh dilakukan di rumah dengan menggunakan peralatan yang praktikal dan boleh dipantau oleh ibu bapa. Ini adalah penting untuk menggalakkan aktiviti fizikal yang berterusan dapat dilakukan di rumah tanpa memerlukan pemantauan jurupulih dan juga penggunaan peralatan di hospital. Rawatan khusus yang lain antaranya adalah *Constraint Induced Movement Therapy (CIMT)* dan *Bimanual Hand Training* untuk

menggalakkan penggunaan tangan yang lemah bagi melakukan aktiviti harian. *Neurodevelopmental Therapy*, latihan berjalan, penggunaan alat bantuan sokongan untuk postur dan pergerakan pesakit, penggunaan kerusi roda serta penilaian dan preskripsi kerusi roda yang bersesuaian mengikut tahap kefungsiannya kanak-kanak CP juga merupakan rawatan-rawatan yang dijalankan oleh ahli-ahli profesional kesihatan yang bertanggungjawab di Jabatan Perubatan Pemulihan.

◆ **Profesional Kesihatan Yang Bertanggungjawab**

Dalam memberikan rawatan pemulihan yang komprehensif kepada kanak-kanak CP, antara profesional kesihatan yang bertanggungjawab adalah **Pakar Perubatan Pemulihan, Jurupulih Perubatan Anggota, Jurupulih Perubatan Carakerja, Pegawai Pemulihan Perubatan (Anggota, Carakerja & Pertuturan), Juruteknik Teknologi Pemulihan dan Kerusi Roda** serta **Juruteknik Prostetik dan Ortotik**. Kerjasama rapat juga diperolehi daripada pakar Pediatrik Neurologi serta Pegawai Perubatan dan Kerja Sosial dalam rawatan pemulihan untuk kanak-kanak CP ini.



Suntikan *Botulinum Toxin*.

◆ CP, Profesional Kesihatan, Kumpulan Sokongan dan Masyarakat

Tidak dapat dinafikan, antara faktor utama yang membantu perubatan pemulihan yang bagus dan berterusan adalah sokongan kuat daripada ibu bapa dan juga masyarakat. Penglibatan kumpulan sokongan dikalangan ibu bapa kanak-kanak CP yang semakin aktif memberi perkembangan positif ke atas kesedaran masyarakat, badan berkanun dan swasta tentang kepentingan sokongan perubatan dan pemulihan untuk kanak-kanak CP. Pasukan Perubatan Pemulihan Pediatrik PPUM sentiasa menjalankan kerjasama yang akrab bersama kumpulan sokongan kanak-kanak CP.

Contoh kumpulan sokongan yang terdapat di Malaysia adalah *Malaysian Advocates of Cerebral Palsy (MyCP)* dan Gabungan Anak Palsy Serebrum (GAPS). Dengan terdapatnya perkembangan dan kemajuan perubatan, serta rawatan pemulihan kepada kanak-kanak CP maka jangka hayat mereka ini telah dapat dipertingkatkan. Walaubagaimanapun, proses penjagaan dan pemulihan perlu diberi penekanan penilaian yang berterusan kerana keperluan yang berlainan di setiap fasa peringkat umur. Rawatan perubatan yang holistik adalah penting ke arah kualiti hidup yang lebih baik bagi kanak-kanak CP, ibu bapa dan keluarga mereka.



Tahukah Anda?

Cerebral Palsy mula dikesan pada tahun 1853 oleh seorang yang bernama Dr. John Little dan nama pertama yang digunakan adalah *Little Disease* bersempena nama beliau. Nama itu mula ditukar ke *Cerebral Paralysis* hinggalah sekarang dengan dikenali sebagai *Cerebral Palsy*.

Fakta Berkaitan Cerebral Palsy

#1 **BERTENANG...
CEREBRAL PALSY
TIDAK BERJANGKIT**

#2 **Lebih 90% kes
Cerebral Palsy adalah disebabkan
KELAHIRAN
PRA MATANG**

#3 **Cerebral Palsy tidak bermakna
SUKAR UNTUK BELAJAR**
Orang dengan kelainan *Cerebral Palsy* sering mempunyai IQ yang SAMA atau LEBIH BAIK DARI ORANG LAIN

#4 **Kanak-kanak Cerebral Palsy adalah
masih kanak-kanak**
**TIDAK LEBIH
TIDAK KURANG**

Sumber: <http://community.fireflyfriends.com>

Jurupuluh Perubatan Anggota / Pegawai Pemulihan Perubatan Anggota adalah salah satu ahli profesion dalam perkhidmatan Perubatan Pemulihan yang memainkan peranan penting di dalam merawat kanak-kanak *Cerebral Palsy*. Kanak-kanak *CP* akan mengalami masalah pergerakan, kefungsiian, postur dan keseimbangan badan yang menyebabkan mereka sukar untuk melakukan sesuatu aktiviti. Justeru itu, diantara rawatan yang disediakan adalah seperti mengajar cara merangkak, berdiri, berjalan, menaiki dan menuruni tangga, cara penggunaan kerusi roda dan banyak lagi.

Dengan itu, antara peranan **Fisioterapi** adalah untuk:

- ◆ Meningkatkan koordinasi tangan dan kaki.
- ◆ Menguatkan otot badan, tangan dan kaki.
- ◆ Meningkatkan keseimbangan badan.
- ◆ Mengoptimumkan aras kefungsiian fizikal .
- ◆ Memaksimumkan tahap berdikari.
- ◆ Mengurangkan risiko kekerasan otot dan masalah pembentukan tulang yang tidak sihat.
- ◆ Meningkatkan tahap kecergasan dan fleksibiliti.
- ◆ Meningkatkan postur yang betul.
- ◆ Meningkatkan cara bergerak dengan lebih baik samada dengan berjalan atau menggunakan kerusi roda.
- ◆ Meminimumkan kesakitan dan ketidakselesaan.
- ◆ Memberi penerangan dan tunjuk ajar kepada ibu bapa/penjaga tentang senaman dan peralatan yang sesuai, cara mengangkat pesakit dan kepentingan senaman untuk di buat di rumah.

◆ **Info Penting**

Rawatan Fisioterapi yang berkesan dapat memberi motivasi secara fizikal dan emosi kepada kanak-kanak *CP* untuk memasuki alam dewasa sebagai seorang yang lebih berkeyakinan dan berdikari.



Senaman regangan otot.



Latihan keseimbangan badan.



Latihan berjalan menggunakan alat bantuan berjalan dan alat berteknologi tinggi (*over ground and robotic assisted gait training*).



Latihan aktiviti luar.



Latihan menaiki / menuruni tangga.



Meningkatkan kecergasan fizikal dalam aktiviti bersukan dan berhalangan.

Soalan kuiz 1



Yang mana satukah **bukan** ciri-ciri kondisi umum *Cerebral Palsy* ?

- A. Spastic
- B. Hand tremor
- C. Athethoid
- D. Ataxic

Kanak-kanak CP juga memiliki risiko komplikasi pernafasan. Punca risiko komplikasi pernafasan adalah disebabkan kanak-kanak kurang bergerak, batuk yang tidak kuat / kurang efektif, tersedak air / makanan ke dalam paru-paru, lewat diagnosis, penyakit paru-paru yang ketat (*Restrictive lung disease*) dan sistem imun yang lemah.

Kesihatan pernafasan bagi kanak-kanak CP mestilah dipantau dengan teliti untuk merawat gejala dan keadaan sebelum mereka menjadi tidak terurus. Pengurusan yang tepat untuk kesihatan pernafasan dapat meningkatkan kualiti hidup mereka.

Beberapa tips **rawatan Fisioterapi pernafasan** bagi pesakit *Cerebral Palsy* adalah seperti berikut:

- ◆ Posisi - kedudukan pesakit untuk mengatasi sesak nafas, meningkatkan pengudaraan, dan untuk saliran postural.
- ◆ Perkusi dada (*chest percussion*) dan getaran dada (*chest vibration*) – teknik tepukan atau getaran dinding dada yang digunakan untuk mengeluarkan cecair / lender / kahak dengan lebih cepat daripada kedudukan / posisi sahaja.
- ◆ Stimulasi / rangsangan batuk.
- ◆ *Suctioning* - prosedur yang digunakan untuk mengeluarkan cecair / lender / kahak dari paru-paru.
- ◆ Senaman - latihan pernafasan untuk meningkatkan kapasiti paru-paru, dan menguatkan pergerakan dada serta fungsi pernafasan.

Pemulihan Carakerja merupakan antara perkhidmatan yang penting untuk membantu kanak-kanak *Cerebral Palsy* (CP) dalam mengembalikan kefungsiannya mereka dari pelbagai aspek seperti :

- ◆ Perkembangan motor kasar dan halus,
- ◆ Aktiviti kehidupan seharian.
- ◆ Kemahiran sosial dan interaksi.
- ◆ Persediaan ke sekolah.
- ◆ Kerohanian.
- ◆ Rangsangan sensori.
- ◆ Kognitif dan kawalan tingkah laku yang baik.
- ◆ *Splint* dan modifikasi peralatan.

Jurupuluh Perubatan Carakerja / Pegawai Pemulihan Perubatan Carakerja berperanan merawat pesakit dan juga bekerjasama dengan ibu bapa, ahli keluarga, penjaga ,dan guru untuk mengukuhkan kemahiran sendiri dan tingkah laku bagi mencapai tahap kebolehan berdikari yang optimum dalam meningkatkan kualiti hidup mereka. Langkah-langkah awal adalah dengan mengajar penjaga mengenai teknik-teknik mengangkat, mendukung pesakit dengan cara yang betul dan tepat bagi mengelakkan komplikasi yang lebih teruk kepada pesakit. .



Prosedur menyedut kahak (*Suctioning*).



Senaman pernafasan dengan meniup bola ping pong.

Selain itu, rangsangan sensori-motor dan *oro-motor* juga penting dalam perkembangan kanak – kanak CP akan turut diajar. Penilaian yang komprehensif akan dilakukan bagi merancang program intervensi mengikut kondisi dan keperluan kanak-kanak CP. Di antara intervensi yang diberikan adalah seperti berikut:

◆ **Aktiviti kehidupan seharian.**

Latihan seperti memberus gigi, mandi, memakai dan menanggalkan pakaian serta kekemasan diri adalah penting untuk meningkatkan tahap berdikari pesakit. Aktiviti ini akan dijalankan bersama kanak-kanak CP serta ibu-bapa / penjaga. Alat bantuan digunakan (sekiranya perlu) bagi melatih pesakit untuk meningkatkan tahap berdikari mereka dalam menjalankan sesuatu aktiviti seharian.



Latihan sendiri.



Alat bantuan / adaptasi.



Aktiviti rangsangan sensori.

◆ Kemahiran Sensori – Motor

Kemahiran ini terdiri daripada kemahiran motor kasar, motor halus dan sensori integrasi. Kesemua kemahiran ini saling berkait dan diperlukan untuk membolehkan kanak-kanak CP bergerak dalam menerokai persekitaran sekeliling mereka untuk bermain bersama rakan dan mempelajari rutin yang baru. Ianya penting bagi meningkatkan keupayaan fizikal, daya tumpuan serta keupayaan pembelajaran mereka sekaligus sebagai persediaan pesakit untuk menempuhi alam persekolahan kelak.



Latihan motor kasar.

◆ Kemahiran Kognitif

Perkembangan kognitif kanak-kanak CP berkemungkinan akan terjejas dari segi memori, fokus dan keupayaan pembelajaran. Justeru itu, Jurupulih Carakerja berperanan melatih kanak-kanak CP untuk mencapai tahap kognitif yang optimum berdasarkan penilaian dan kondisi pesakit bagi membantu pencapaian dan kebolehan pesakit pada masa hadapan ketika di sekolah ataupun ketika mereka melanjutkan pengajian diperingkat lebih tinggi lagi.



Melatih pesakit dalam kemahiran mengenal konsep asas pembelajaran seperti mengenal warna, bentuk, nombor dan huruf.



Latihan motor halus.

◆ Kerusi Roda serta Posisi Duduk.

Preskripsi kerusi roda yang tidak sesuai boleh menimbulkan masalah komplikasi yang melibatkan postur seperti *Scoliosis* dan *contracture* pada sendi pesakit. Jurupulih Carakerja berperanan melakukan penilaian yang komprehensif bersama kumpulan Perkhidmatan Kerusi Roda (*Wheelchair Service Professional - WSP*) untuk menilai keperluan dari segi postur serta preskripsi kerusi roda yang bersesuaian mengikut kondisi pesakit bagi memperbaiki postur badan, keyakinan dan kefungsi mobiliti mereka.



Melatih pesakit kemahiran motor halus dengan menggunakan alat bantuan bagi memastikan teknik pegangan pensil yang betul.



Sebelum



Selepas

Jurupulih membekalkan *Postural Support Device (PSD)* bagi membantu pesakit berada dalam posisi yang betul. Ianya adalah untuk mengelakkan komplikasi jangka masa panjang.

◆ Penilaian Rumah dan Sekolah

Penilaian persekitaran rumah dan di sekolah dilaksanakan bagi menilai aspek keselamatan dan halangan fizikal yang boleh mempengaruhi kefungsi pesakit. Ianya penting untuk membolehkan pesakit berdikari serta meningkatkan tahap keyakinan diri mereka dalam komuniti sekolah atau masyarakat sekaligus memberi kesedaran kepada masyarakat dan komuniti mengenai kanak-kanak berkeperluan khas.



Penilaian di sekolah pesakit.

◆ Kemahiran Sosial dan Interaksi.

Kanak-kanak CP sering dikaitkan dengan masalah dalam bersosial dan interaksi. Ini akan mengganggu penglibatan mereka dalam sekolah dan komuniti. Jurupulih Karakterja membantu meningkatkan keupayaan dalam kehidupan sosial seharian melalui aktiviti secara berkumpulan. Ini menggalakkan penglibatan dan interaksi secara aktif bersama rakan sebaya, sekaligus meningkatkan keyakinan diri serta hubungan mereka dalam komuniti.



Aktiviti sosial dan interaksi.

Soalan kuiz 2




Apakah nama singkatan bagi Cerebral Palsy?

- A. CePa C. CP
B. Palsy D. Cerebral

Pegawai Pemulihan Perubatan Petuturan (Speech and Language Therapist, SLT) juga merawat kanak-kanak CP yang mengalami kesukaran dalam pergerakan otot termasuk otot di bahagian muka dan mulut yang menyebabkan mereka mengalami masalah dalam bertutur dan sukar untuk berkomunikasi dengan orang lain. Otot yang terlibat dalam percakapan merangkumi lidah, gigi, langit lembut dan keras, peti suara, bibir termasuk sistem pernafasan. Apabila kanak-kanak ini datang berjumpa dengan Doktor Kanak-kanak, kebiasaannya mereka juga akan dirujuk kepada Pegawai Pemulihan Pertuturan untuk diberikan rawatan selanjutnya. SLT merupakan professional yang terlibat dalam pengendalian kesukaran bahasa, pertuturan, komunikasi, *feeding* dan penelanan. Kanak-kanak CP mungkin mempunyai tahap kesukaran ciri-ciri bahasa dan komunikasi yang berbeza seperti berikut:

- ◆ **Spastik** - percakapan *struggle* dan lambat, pergerakan otot muka dan mulut yang *struggle* dan menggunakan tenaga yang banyak untuk bergerak. Percakapan mereka selalunya tidak jelas dan suara bunyi seakan-akan serak atau tegang.
- ◆ **Athetiod** - sukar untuk mengawal otot muka dan lidah. Mereka juga payah untuk mengawal pernafasan, otot suara (*vocal cords*) dan mempunyai masalah untuk makan dan keluar air liur berlebihan (*drooling*).
- ◆ **Ataxic** - mempunyai gaya percakapan *scanning* iaitu kelihatan agak *monotonous* dengan suara bernafas. Percakapan mereka sering terhenti (*pauses*) dan tidak menentu. Mereka juga selalu mengalami masalah untuk menelan.



Kaedah Picture Exchange Communication System - PECS.

Tahukah Anda?



Ridzuan Puzi, pemenang pingat emas pertama Sukan Paralimpik Rio 2016 dan Sukan Para Asean Kuala Lumpur 2017 yang merupakan kelainan *Cerebral Palsy*. Beliau disahkan mengalami kelainan tersebut pada umur setahun.

Terapi pertuturan akan dapat membantu dari aspek:

- ◆ Melancarkan pertuturan.
- ◆ Meningkatkan kefasihan sebutan.
- ◆ Menambah baik sistem artikulasi.
- ◆ Penggunaan suara dan teknik yang betul.
- ◆ Koordinasi pernafasan dalam percakapan (*breathing technique*).
- ◆ Koordinasi otot oro-motor dalam bertutur.
- ◆ Meningkatkan kefahaman bahasa sebagai contoh mengikut arahan mudah "buka mulut".
- ◆ Meningkatkan kemahiran sosial-komunikasi.
- ◆ Penggunaan komunikasi alat gantikan bantuan (*Alternative and Augmentative Communication*).

Kebanyakan kanak-kanak *CP* yang mengalami masalah bertutur akan menyebabkan mereka sukar untuk menghasilkan sebutan yang jelas dan memerlukan peralatan gantikan bantuan. *Alternative and Augmentative Communication (AAC)* terbahagi kepada:

- ◆ **Unaided Communication Systems** – menggunakan tubuh badan untuk komunikasi. Contoh bahasa tubuh dan bahasa isyarat.
- ◆ **Aided Communication Systems** – menggunakan peralatan sama ada teknologi rendah (seperti pensel dan kertas, *Picture Exchange Communication System- PECS*) atau peralatan yang boleh menghasilkan suara (*speech generating devices*) seperti tablet, *Go Talk* dan *DynaVox Maestro*. Peralatan sebegini dapat mewujudkan gambar, simbol atau perkataan untuk memberi mesej. Selain itu, aplikasi yang terdapat di dalam *android* dan *iOS* juga boleh digunakan mengikut kesesuaian.

Tips berkomunikasi dengan kanak-kanak *CP*:

- ◆ Mempunyai kontak mata.
- ◆ Mewujudkan komunikasi dua hala dengan mereka.
- ◆ Menggunakan kaedah komunikasi yang sesuai dengan mereka, contoh: raut wajah, gaya badan dan tablet.
- ◆ Menggunakan arahan yang mudah, ulang jika perlu.
- ◆ Sentiasa melakukan latihan dan stimulasi otot muka dan mulut.
- ◆ Mewujudkan kumpulan sosial (*playgroup*) dengan rakan sebaya.

Justeru, dengan pembelajaran dan aplikasi yang betul, serta kerjasama ahli keluarga, intervensi dan terapi pertuturan akan dapat dijalankan dengan baik. Kanak-kanak *CP* akan memperoleh 'suara' untuk mereka menyampaikan kata hati mereka pada dunia.



Penggunaan tablet dalam *Aided Communication Systems*.



Sesi terapi kemahiran bahasa dan komunikasi.

Salah satu langkah pencegahan dalam menangani kondisi CP dalam kecacatan fizikal yang dialami pesakit adalah dengan penggunaan ortotik. **Juruteknik Prostetik dan Ortotik** bertanggungjawab menghasilkan alat ortotik iaitu alat sokongan anggota badan bagi mencegah kecacatan yang mungkin berlaku dalam pergerakan tangan, kaki atau lain-lain anggota badan. Setiap pesakit mempunyai objektif yang berbeza dalam penggunaan rehabilitasi ortotik.

Secara amnya, jika pesakit masih dalam lingkungan umur 1 hingga 24 bulan, ortotik akan digunakan hanya sebagai langkah pencegahan agar anggota badan berada dalam keadaan normal dan mengelak kecacatan di masa hadapan. Namun jika pesakit sudah mula belajar berjalan dari umur 24 bulan keatas, pesakit memerlukan alat ortotik sebagai alat bantuan untuk berdiri dan seterusnya berjalan.

Penggunaan rehabilitasi ortotik bagi pesakit CP melibatkan penilaian dan perbincangan bersama Pakar Perubatan Pemulihan, Jurupulih Perubatan Anggota / Pegawai Pemulihan Perubatan Anggota, Jurupulih Perubatan Carakerja / Pegawai Pemulihan Perubatan Carakerja, Ortotis dan lain-lain. Setiap pesakit harus mendapatkan nasihat dan konsultasi doktor sebelum mendapatkan khidmat rehabilitasi ortotik. Perbincangan dalam konsultasi penting kerana pesakit masih memerlukan latihan yang berterusan atau penggunaan ubat-ubatan bagi melancarkan pergerakan anggota badan sebelum atau selepas mempunyai alat ortosis. Tidak semua kondisi pesakit memerlukan penggunaan alat ortosis. Oleh itu, setiap pesakit perlu terus melalui proses konsultasi supaya rehabilitasi pesakit berjalan dengan lancar.

Perkhidmatan rehabilitasi prostetik dan ortotik CP di Pusat Perubatan Universiti Malaya terbahagi kepada dua bahagian iaitu anggota badan bahagian atas dan bawah. Ini kerana terdapat dua jenis bahan plastik yang digunakan dalam proses pembuatan ortotik di sini iaitu plastik bersuhu tinggi dan plastik bersuhu rendah. Kebanyakan ortotik yang dibuat di Bengkel Prostetik dan Ortotik menggunakan plastik bersuhu tinggi. Bahan ini sesuai bagi penggunaan ortotik anggota bawah badan kerana ia mempunyai daya ketahanan yang tinggi dan mampu menampung berat badan pesakit.

Terdapat beberapa contoh ortotik rehabilitasi CP seperti *Ankle Foot Orthosis (AFO)*, *Knee Ankle Foot Orthosis (KAFO)*, *Total Contact Insole*, *Functional Hand Splint*, *Backslab*, *Knee Brace*, *Body Brace* dan lain-lain. Setiap jenis ortotik yang diberi adalah unik dan memiliki fungsi tertentu untuk setiap pesakit bagi proses rehabilitasi mereka.



Contoh alat ortosis yang digunakan bagi kanak-kanak CP.



Alat ortosis kaki.

Bagi teknologi terhadap kerusi roda di kalangan pesakit CP, terdapat satu perkhidmatan yang dinamakan *Wheelchair Services Professional (WSP)* dimana **Juruteknik Perubatan** dari **Bahagian Teknologi Pemulihan dan Kerusi Roda** akan bekerjasama dengan Pegawai serta Jurupulih dari Bahagian Pemulihan Carakerja dan Bahagian Fisioterapi.

Perkhidmatan WSP ini mempunyai sebuah klinik khas dimana penilaian, preskripsi dan kajian akan dilakukan ke atas pesakit yang dirujuk dengan adanya rundingan dari Pakar Perubatan Pemulihan, Pegawai Pemulihan dan Jurupulih serta Juruteknik Perubatan di bawah satu klinik dinamakan *Seating Clinic*. Klinik ini beroperasi 2 kali sebulan pada setiap hari Rabu minggu kedua dan keempat bermula dari jam 2.00 petang hingga 5.00 petang. Perkhidmatan WSP yang disediakan adalah seperti berikut :

- ◆ Membuat penilaian dan preskripsi mengenai keperluan kerusi roda dan kusen yang kompleks serta bersesuaian dengan pesakit.
- ◆ Nasihat profesional kepada pesakit serta penjaga berkaitan dengan keperluan kerusi roda, peralatan yang berkaitan dan kusen yang kompleks serta bersesuaian juga diberikan.



Contoh jenis modifikasi yang dihasilkan.



Penilaian keperluan kerusi roda kanak-kanak CP.

Kejayaan Tidak Akan Datang Bergolek — Imran

Nama saya Imran. Saya seorang individu *Cerebral Palsy* yang telah menginjak umur 19 tahun. Sejak dari lahir saya mempunyai masalah perkembangan fizikal yang lambat dan selepas berumur 2 tahun doktor telah mengesahkan saya menghidap *Cerebral Palsy*.

Cabaran Hidup


Antara cabaran yang sering berlaku dalam kehidupan saya ialah dari sudut pandangan orang awam yang suka memandang rendah atas kemampuan terhadap insan seperti saya. Dari aspek sendiri, saya kurang berkeyakinan terutama ketika berhadapan dengan orang awam dan sedikit sebanyak menjejaskan kemampuan dalam diri saya sendiri.

Perubahan Demi Masa Depan

Pada umur masih muda dan mempunyai kudrat, saya perlu lakukan sesuatu perubahan dalam diri. Oleh itu, saya telah mendaftarkan diri di Pusat Latihan Pemulihan Perindustrian (PLPP) di Bangi. Saya ditawarkan dalam kursus pembuatan kerusi roda selama 1 tahun 6 bulan di bawah kursus vokasional. Sejujurnya, pada permulaan kursus, saya kurang berminat dengan kursus yang ditawarkan. Hal ini kerana saya bercita-cita untuk menjadi seorang pelukis atau motivator. Namun begitu, saya cuba berjinak-jinak bagi memupuk minat dan keserasian dalam kursus ini. Boleh jadi kursus ini mampu merubah kehidupan saya ke arah yang lebih baik.

Kejayaan Tidak Akan Datang Bergolek

Alhamdulillah berkat kesabaran dan ketekunan, saya dapat juga membuktikan bahawa saya mampu untuk hidup berdikari sekaligus meningkatkan keyakinan diri. Bak kata pepatah "Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih". Justeru itu, saya sentiasa berpegang pada 3 prinsip dalam kehidupan iaitu usaha, doa dan tawakal. Kita merancang, Allah merancang dan sesungguhnya perancangan Allah itu yang terbaik.



SAY YES TO CP AWARENESS!!



Hi., I'm Rajvin Kaur Radhawa, a CP fighter motivational speaker, blogger and writer. And this is my journey. I was diagnosed with Cerebral Palsy spastic Quadriplegia since the tender age of one due to lack of oxygen to the brain as I was 31 weeks premature. Ever since childhood till now Cerebral Palsy has not stop me from achieving my life goals in terms of education and so on. I'm proud to say that I'm living life to the fullest despite challenges with Cerebral Palsy.

In kindergarten I had difficulty finding a place that would accept me with my condition. However, my mother and I never gave up hope and continued to have a fighting spirit. I was fortunate to have the privilege to receive an inclusive education and was accepted into a normal school both primary and secondary. Not many people with my condition will have this chance. In primary school, I had been pushed to move to the slow learners class but my parents insisted for me to be in the normal class and eventually I perform better than many of the children. In secondary class I was given a class on the second floor when I could not walk up the stairs my parents have to ask the PIBG to intervene to get a class on the ground floor for me, the ramps and toilet were problem for me. In Help University I was honored and bless to be given the chance to obtain a degree despite the challenges such as I had to be given extra time to complete tasks and examination. Friendly lecturer and friends and my extraordinary supportive family made it easier for me to accomplish my dream of graduating with the second honors degree majoring in Public Relations.

The inability to walk and move from one place to another independently was a great challenge. Apart from that I also experience and encounter muscle spasticity quite often. I also experience emotional challenges like anxiety, shortness of breath and persistent worried due to inconsistent muscle tone. 33 years have passed and I must say Cerebral Palsy is a blessing and not a suffering with the support of my family and true friends, parents, siblings and caregivers who always put a smile on my face and still do even till now. As I mentioned earlier, CP will not hinder me from achieving my life goals. My hope for others with CP is that they should be given equal opportunities just like myself in order to have a productive life full of unconditional love lastly, my advice to all people with CP and other special needs in Malaysia is to live life to the fullest, be with who makes you smile, laugh as much as you can breath and as long as you live. Thank you! And God bless!

~ Rajvin Kaur Radhawa - C.P. fighter , Motivational Speaker and Writer, Kuala Lumpur, Malaysia.



KESUKARAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN ANAK OKU MENJADI PENDORONG INSPIRASI UNTUK MENGUSAHAKAN PRODUK **CUTIE PIE**



Boleh ceritakan latar belakang keluarga puan dan anak puan yang mengalami *Cerebral Palsy*?

Saya memiliki 2 orang anak, yang pertama iaitu Muhammad Riyadh Irfan (Iki) berusia 9 tahun, yang menghidap *Cerebral Palsy*, manakala anak kedua Muhammad Raif Haiqal berusia 3 tahun adalah normal. Kami suami isteri sudah berhenti kerja selama 2 tahun dan menumpukan perhatian pada perniagaan Pemulihan dan kedai makan.

Iki lahir cukup bulan dengan berat 3.16 kg. Bersalin normal tanpa sebarang masalah. Pada mulanya Iki boleh merangkak secara komando sebelum umur 1 tahun. Iki dirujuk ke PPUM kerana umur setahun masih belum duduk dan berdiri sendiri. Iki disahkan *CP* Quadriplegia masa umur 1 setengah tahun. Puncanya tidak diketahui. *MRI brain* dan ujian darah adalah normal. Perkembangannya semakin merosot secara berperingkat selepas umur 2 tahun sehinggalah terlantar tidak boleh berpusing meniarap.

Bagaimanakah puan mendapat inspirasi untuk mencipta peralatan Cutie Pie dan bagaimana perniagaan tersebut dijalankan?

Saya mendapat inspirasi apabila keperluan anak ini terlalu mahal dan sukar untuk didapati di Malaysia. Kebanyakannya perlu diimport dan kami tidak mampu. Berbekalkan kelayakan Ijazah *Fashion Designer*, saya menjahit sendiri beberapa peralatan Iki di rumah. Pada mulanya saya tidak menjual barang-barang tersebut, hanya berkongsi pada rakan senasib di *Facebook*. Apabila rakan lain melihat, mereka mahukan juga. Peralatan seperti *corner chair* jenama Cutie Pie dibuat secara pukal oleh kilang di Malaysia. Saya kumpul kawan-kawan yang memerlukan dan menempahnya secara pukal. Kami menjalankan perniagaan lebih kepada atas talian, memandangkan ruang yang ada sangat terhad.



Pernahkah mendapat reaksi negatif?

Pernah. Sesetengah pihak mempertikaikan kebolehan dan kelayakan saya membekal dan mengedar peralatan Pemulihan kerana saya tiada kelulusan dalam perubatan tersebut.

Boleh ceritakan pengalaman dan pengorbanan yang dilakukan untuk membesarkan seorang anak *Cerebral Palsy*?

Bila ada anak *CP*, saya banyak bekorban masa dan wang ringgit. Menyediakan kemudahan, keselesaan dan peralatan terapi memerlukan wang ringgit yang sangat banyak dan berterusan sehingga mereka dewasa. Latihan dan terapi perlu dilakukan setiap hari. Jadi perlu bahagikan masa dan tanggungjawab harian yang lain.

Pernahkah puan merasa penat atau terbeban? Dan bagaimana puan mengawal emosi tersebut?

Saya seorang yang sangat positif. Tipulah jika kata tak penat. Bila dianggap beban nanti minda akan negatif dan stress. Lebih kepada *move on* dan *enjoy the flow* yang sudah ditentukan. Sentiasa bayangkan anak istimewa pembawa rezeki.

Apakah nasihat puan untuk ibu bapa yang turut bersama membesarkan anak *CP*?

Tabah, sabar, bertenang, nikmatilah kehidupan yang sudah ditentukan. Jangan asyik negatif. Jangan asyik bersedih mengenangkan apa yang sudah dan sedang dilalui. Redha dan terimalah dengan hati yang terbuka. *Move on*. Lakukan sesuatu untuk meningkatkan kebolehan anak semaksima yang mungkin.

Apakah pendapat puan mengenai rawatan yang dijalankan di Pusat Perubatan Universiti Malaya ?

Sehingga kini saya masih mendapatkan rawatan di PPUM. Saya dapat belajar teknik dan kaedah untuk membantu latihan di rumah terhadap Iki. Saya juga dapat bertanya kepada yang pakar dan berbincang tentang rawatan dan kaedah pemulihan yang sesuai dengan anak saya. Ini bagi meningkatkan perkembangan, kebolehan dan pemulihan Iki semaksima mungkin.

LAWATAN KE SYARIKAT JAYONIK MSC SDN BHD

- ◆ Tarikh aktiviti: 22 Ogos 2017.
- ◆ Tempat: Desa Melawati, Kuala Lumpur.
- ◆ Staf terlibat: 19 orang.



- ◆ Tujuan : Mengenali dan menyaksikan kepakaran syarikat dalam menghasilkan produk simulator memandu dan produk *Virtual Reality*.



- ◆ Kepakaran syarikat dalam *Land Based Training Simulators (Virtual Reality)* iaitu simulator memandu, simulator menunggang, simulator kenderaan tentera, peralatan *Computer Based Training (CBT)* dan *Virtual Reality*.

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA KAJIAN



- ◆ Tarikh aktiviti: 29 Ogos 2017.
- ◆ Tempat: Bilik Konferen Sukan, Tingkat 10, Menara Selatan, PPUM.
- ◆ Tujuan: Memenuhi keperluan klinikal Jabatan Perubatan Pemulihan.
- ◆ Aktiviti: 14 kertas kajian dibentangkan oleh Pegawai Pemulihan dan telah diadili oleh Ketua Jabatan iaitu Prof. Dr. Lydia Abdul Latif, Pakar Klinikal iaitu Prof. Madya Dr. Julia Patrick Engkasan, Pensyarah Senior iaitu Dr Sadeeq Ali serta Pengurus Klinikal iaitu En. Soh Say Beng.

Bil	Nama	Tajuk	Bahagian
1.	Anmol Kaur A/P Manjit Singh	<i>Comparison of Brief VS Comprehensive Pre-operative Physiotherapy For Patients Undergoing Abdominal Surgeries.</i>	Fisioterapi
2.	Azzulaika Bt Daharudin	<i>Effect of Early Mobilization With Pneumatic Post Amputation Mobility (PPAM) Aid Among Amputee Patient.</i>	Fisioterapi
3.	Hazwani Bt Halil	<i>Hydrotheraphy Exercises Is More Effective Than Conventional Land Based Exercises For Chronic Low Back Pain.</i>	Fisioterapi
4.	Norazah Bt Haron	<i>Effectiveness Of Alternating Overground And Robotic-assisted Gait Training To Improve Endurance on Ambulant Children with Cerebral Palsy.</i>	Fisioterapi
5.	Parimalaganthi A/P Varadan	<i>Short Term Effects Of Shoulder Kinesio – Taping On Pain And Function In Subjects with Post Stroke Shoulder Pain – A Randomized Trial.</i>	Fisioterapi
6.	Nurul Huda Binti Abd Rahman	<i>Functional Electrical Stimulation Protocol with Conventional Occupational Therapy For Hand Function in Tetraplegic Spinal Cord Injury.</i>	Pemulihan Carakerja
7.	Norfazilah Bt Mohamad Khannas / Ida Adila Bt Masman	<i>Sleep Quality, Burden and Stress Among Caregivers of Individual With Dementia and Alzheimer in UMMC.</i>	Pemulihan Carakerja
8.	Marlienza Bt Siti Tajarudin	<i>Dysphagia Diet Classification : Towards A Common Language At The UMMC.</i>	Pemulihan Pertuturan

8 kajian yang terpilih untuk diteruskan dan 6 kajian menerima tajaan JPP.

03

SUKAN PARA ASEAN KE-9, KUALA LUMPUR 2017

- ◆ Tarikh aktiviti: 17-23 September 2017.
- ◆ Tempat: Stadium Bukit Jalil.
- ◆ Staf terlibat: 40 orang.



BIL	NAMA	ACARA
1	Azman	Tenis Kerusi Roda
2	Aziza	Para Ping Pong
3	Jaremy	Para Ping Pong
4	Roy Lim	Para Ping Pong
5	Azrul	Para Memanah
6	Saadah	Para Memanah
7	Feradul Masri	Para Olahraga
8	Nor Adzskumi	Boccia
9	Deal	Boccia
10	Mei Hsia	Tenpin Bowling


- ◆ Tujuan : Memberi sokongan kepada pesakit - pesakit Jabatan Perubatan Pemulihan yang terlibat secara langsung dalam Sukan Para ASEAN Ke-9.

- ◆ Senarai nama pesakit Jabatan Perubatan Pemulihan yang terlibat dalam Sukan Para ASEAN Ke-9.

04

PATIENT SUPPORT GROUP 2017

- ◆ Tarikh aktiviti: 20 Ogos 2017.
- ◆ Tempat: Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik, Majlis Sukan Negara.



- ◆ Aktiviti: Sesi motivasi oleh Pn. Norisah (bekas atlet paralimpik sukan tenis berkerusi roda) dan aktiviti berkumpul dibawah bimbingan fasilitator, lukisan 3D, persembahan Trooperas Band daripada barisan atlet paralimpik sukan tenis berkerusi roda.

- ◆ Tujuan: Meningkatkan kesedaran pesakit mengenai kondisi mereka dan bagaimana untuk mengatasi cabaran dalam menghadapi stigma masyarakat sekeliling.

05

HARI PEMULIHAN CARAKERJA SEDUNIA BERTEMAKAN *RAINBOW CHARITY WALK*



- ◆ Tarikh aktiviti: 28 Oktober 2017.
- ◆ Tempat: Taman Rekreasi Bukit Jalil.
- ◆ Jumlah peserta: 600 orang .



- ◆ Penyerahan sumbangan oleh Prof. Dr. Nazirah Hasnan kepada wakil Persatuan Kanak-kanak Spastik Selangor dan Kuala Lumpur.



- ◆ Aktiviti : Jalan kaki 3km, majlis penyerahan cek replika sumbangan kepada Persatuan Kanak-kanak Spastik Selangor dan Kuala Lumpur, pameran berkaitan perkhidmatan Bahagian Pemulihan Carakerja, cabutan bertuah dan persembahan pesakit OKU .

06

KURSUS *TRANSTIBIAL & TRANSFEMORAL PROSTHESIS*



- ◆ Tarikh aktiviti: 25 - 26 September 2017.
- ◆ Tempat: Bengkel Protetik & Ortotik, Aras Bawah, Menara Selatan , PPUM.
- ◆ Jumlah peserta: 45 orang.



- ◆ Peserta yang menghadiri kursus terdiri daripada Pegawai Perubatan, Terapis dan Jururawat.

- ◆ Aktiviti : Ceramah berkenaan konsep biomekanik pesakit amputasi bawah lutut, penilaian pesakit yang sesuai berkaki palsu dan proses percubaan dan latihan berjalan bagi pesakit amputasi.

07

SCI REHABILITATION COURSE 2017

- ◆ Tarikh aktiviti : 11 - 13 September 2017.
- ◆ Tempat : Jabatan Perubatan Pemulihan & Auditorium Menara Selatan, PPUM.
- ◆ Jumlah peserta : 87 orang.



- ◆ Aktiviti : Beberapa ceramah dan forum yang bertajuk *Educating SCI Patients : Understanding Barriers, Learning Styles and Teaching Techniques*. Forum melibatkan wakil ahli kumpulan *Multidisciplinary* yang terdiri daripada Pegawai Perubatan, Jurupulih Perubatan Anggota, Jurupulih Perubatan Carakerja dan Jururawat.



- ◆ Ahli jawatankuasa *SCI Rehabilitation Course 2017*.

08

1ST STROKE INTERDISCIPLINARY REHABILITATION COURSE 2017

- ◆ Tarikh aktiviti: 11 - 12 Oktober 2017.
- ◆ Tempat: Auditorium Klinikal, Fakulti Perubatan, UM.
- ◆ Peserta terlibat : 120 orang.



- ◆ Aktiviti :
 - Ceramah mengenai cabaran pesakit strok yang terdiri dari pelbagai populasi.
 - Bengkel oleh Bahagian Fisioterapi berkenaan *Gait - Analysis and Intervention*.
 - Bengkel Pemulihan Carakerja mengenai intervensi pemulihan anggota atas .
 - Pemulihan Bahasa dan Pertuturan mengupas mengenai masalah pertuturan dan komunikasi di kalangan pesakit strok.



- ◆ Tujuan: Memahami pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pesakit strok serta memahami dan mempelajari cara penilaian dan rawatan yang wajar diberikan kepada pesakit strok sepanjang proses rehabilitasi.

09

3RD NATIONAL BRAIN INJURY REHABILITATION COURSE 2017

- ◆ Tarikh aktiviti : 18 - 20 Julai 2017.
- ◆ Tempat: Auditorium Klinikal , Fakulti Perubatan, UM.
- ◆ Jumlah peserta : 140 orang.



Aktiviti :

- ◆ Ceramah seperti *Rehabilitation Care After Brain Injury: Current Scenario and Future Direction*, *Neuropsychiatry Disorders Following Traumatic Brain Injury*, dan *Communication Difficulties Following Brain Injury*.
- ◆ Bengkel seperti *Agitated Behaviour Scale Scoring and Case Discussions* , *Vestibular Rehabilitation : Particle Repositioning Manoeuvres* dan *JFK Coma Recovery Scale-Revised Scoring*.

10

HAND THERAPY WEEK 2017 ; OPTIMIZING HAND TO OPTIMUM LIFE



- ◆ Tarikh aktiviti: 24 - 28 Julai 2017.
- ◆ Tempat: Dewan Auditorium, Menara Selatan & Bahagian Pemulihan Carakerja.



Liked by shairithekicker, aimishaz and 60 others
 handtherapyweek2017 "Hi biscus,bye stiffness"
 Hand & Microsurgery Team,PPUM
 Thanks to everyone for participating in our photography contest for Hand Therapy Week 2017. To all followers, we need your VOTES. The photo with highest "like" will contribute 50% to win. Tq.
 #HTW2017 #handtherapyweek #HTW2017malaysia



- ◆ Antara aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti domestik, permainan dan aktiviti kefungsi tangan.

- ◆ Kumpulan Mikrosurgeri yang diketuai oleh Prof. Dato Dr. Tunku Sara Tunku Ahmad Yahaya merupakan antara pemenang pertandingan fotografi yang bertemakan "*Lend your hand, give your heart*".

HARI KELUARGA & MAKAN MALAM JABATAN PERUBATAN PEMULIHAN 2017

- ◆ Tarikh aktiviti: 12 Ogos 2017.
- ◆ Tempat: PNB Ilham Resort, Port Dickson.
- ◆ Jumlah staf hadir: 167 orang.



- ◆ Aktiviti: Sukaneka, majlis makan malam, perasmian Buletin Jabatan Perubatan Pemulihan Edisi 1, persembahan daripada kakitangan dan cabutan bertuah.



- ◆ Sebahagian keluarga JPP yang memeriahkan suasana pada Hari Keluarga JPP 2017.



SPEECH & HEARING DAY 2017

- ◆ Tarikh: 16 Ogos 2017.
- ◆ Tempat: Dewan Sekapur Sireh, Pusat Perubatan Universiti Malaya.
- ◆ Jumlah peserta: 150 orang.



- ◆ Majlis dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Zulkiflee Bin Abu Bakar (Ketua Jabatan Otorinolaringologi) dan Dr. Chung Tze Yang (Pemangku Ketua Jabatan Perubatan Pemulihan).



- ◆ Program ini adalah kerjasama daripada Unit Audiologi dan Unit Terapi Perututuran, Jabatan Otorinolaringologi bersama dengan Bahagian Pemulihan Pertuturan, Jabatan Perubatan Pemulihan dengan tema iaitu *Communication Is The Key To Connection*.
- ◆ Aktiviti: Ceramah jemputan oleh En. Johari (kaunselor PPUM), Dr. Azman (Pegawai Perubatan Sarjana) dan wakil dari pihak syarikat Audiolab, kuiz dan forum daripada pesakit.

PHYSIO FUN RUN 3.0 - CHARITY 2017 - 5KM ZOMBIE OBSTACLES RUN

- ◆ Tarikh aktiviti: 11 November 2017.
- ◆ Tempat: Plaza Tugu Negara, Kuala Lumpur.
- ◆ Jumlah peserta: 400 orang.



Penyerahan sumbangan kepada wakil NGO Malaysian Rare Disease Society (MRDS)



- ◆ Aktiviti: Larian 5km, penyerahan sumbangan kepada badan NGO Malaysian Rare Disease Society (MRDS), booth pemeriksaan fizikal Fisioterapi, booth permainan dan booth MRDS.

KURSUS AKAN DATANG



1ST UMMC WHEELCHAIR SERVICE SYMPOSIUM

23rd-24th July 2018

13th Floor Conference Room, South Tower, UMMC

For further inquiries:

MOHD NOR FADLY
03-79492553/6518 @
016-9246406

SHAHIDATON AKMAL
03-79492971

MOHAMAD FARIS
03-79492553/6518@
014-8775211

Karya Kreativiti Staf & Pesakit



Lukisan Mural Kedua di Tingkat 14, Menara Selatan.



Karya Kreatif Pesakit Pediatrik



REHAB SUPPLIES SDN BHD (867916-M)

No.55 Jalan SS 15/5A

Subang Jaya

47500 Selangor

Tel: 03 56317519

www.rehabsupplies.com.my



Diabetic stockings



Stocking aid



Nursing shoes



Diabetic shoes



2in1 pedal exerciser



Folding seat cane



Elbow crutches



Apex patient lifter

Complete range of products for your homecare convenience are also available at our outlets at: -

Pusat Perubatan Universiti Malaya, Tel: 03 79604855

Opposite Hospital Kuala Lumpur, Tel: 03 40400060

Why sitting?

- Opportunities to play and feel, rather than support
- Support feet, thighs & pelvis. Forms the foundation of stability
- Improves food intake and mouth, tongue motor function

United AKRAB



DALMATIAN invento™
multifunctional device



ZEBRA invento™
positioning chair



JUMBO™
positioning chair



CAT I™
standing frame



CAT II invento™
standing frame



Other benefits include...

Increase bone density, reduce risk of fracture

Enhances blood pressure and circulation

Improves respiration and voice control

Enables eye-to-eye interaction with peers

Why standing?

- Stretch muscles, preventing onset of contractures and increase motion
- Help digestion, bowel and bladder drainage
- Improves skin integrity by relieving pressure during sitting
- Improves alertness, wellbeing and sleep patterns
- Gain psychological advantage, physical and development benefits

kidsMED™
FOR CHILDREN

**Eco
Friendly**

AKCESMED®
Our passion - your independence!

United Akrab Tech Sdn Bhd (233134M)

Lot 1, Lorong 19/1A, 46300 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Telephone: 60-3 7956 6812

Facsimile: 60-3 7956 7812

Mobile: 6016-634 1767

Email: chkong@unitedakrab.com

“Bridging Your Healthcare Needs With Medical Innovative Technology”

Specialized in All kinds of Occupational Therapy, Physiotherapy & Speech Therapy Products

**Splinting Materials & Accessories
Rehabilitation Assets & Consumables
Clinical Assessment Forms
Hydrotherapy Accessories
Pediatric Products
Geriatric Products**



PROFILE TECHNOLOGY SDN BHD

NO. 80A, Jalan Badminton 13/29, Tadisma Business Park,
Section 13, 40000 Shah Alam. Selangor.

TEL: 03-5511 0186 / 0187

FAX: 03-5511 1185

Email : office@profiletechnology.com.my
profiletechnologysdnbhd@gmail.com




Rehabilitation in action!



Terbitan BULETIN Akan Datang

Memahami Pemulihan

KECEDERAAN OTAK



SOMETIMES
REAL SUPERHEROES
LIVE IN THE HEARTS OF
SMALL CHILDREN FIGHTING
BIG BATTLES

KULTURECITY.ORG

Jawapan Kuiz

Soalan Kuiz 1: B. Hand tremor

Soalan Kuiz 2: C. CP

